


PENDIDIKAN SENI VISUAL

BAB 1 SENI BINA

PENGENALAN RINGKAS

- Rumah Melayu Tradisi berakar umbi daripada masyarakat Melayu. Seni bina ini memainkan peranan yang penting dalam persejarahan bangsa Melayu. Reka bentuk, kebesaran dan kekayaan pemiliknya dilihat daripada rumah yang dibina. Seni bina rumah tradisional Melayu ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu, iaitu bertiang, berpanggung dan bertangga. Bumbungnya curam dan tinggi serta mempunyai perabung yang panjang. Hujung bumbung ditutup dengan tebar layar. Reka bentuk seni bina ini menitikberatkan aspek pengudaraan, pencahayaan dan keselamatan. Selain itu, reka bentuknya kaya dengan nilai kerohanian, estetika dan etika seni bina. Penggunaan seni ukiran berfungsi sebagai ragam hias untuk menambahkan keunikan seni bina ini. Rumah tradisional ini mempunyai ciri-ciri asas, iaitu rumah ibu, loteng dan dapur. Perbezaan yang ketara terdapat pada bentuk bumbung, perabung dan jumlah tiang.

Sila labelkan nama bahagian Rumah Melayu Tradisional di bawah.



Namakan seni bina berikut berdasarkan maklumat yang diberi.

1. Binaan ini mengandungi beberapa buah rumah kelamin dan mempunyai ciri keselamatan dan kebudayaan yang tersendiri. →
2. Binaan ini berbentuk oktagon dan mempunyai kubah berbentuk bawang. →
3. Binaan ini dijadikan sebagai muzium yang mempunyai reka bentuk yang melambangkan aspek kekeluargaan, pendidikan dan kesenian. →
4. Binaan ini mempunyai ciri unik pada bahagian tangga batunya yang berwarna-warni. →
5. Binaan ini menjadi tumpuan semasa perayaan Thaipusam. →
6. Binaan ini mempunyai kolam berkonsepkan Jepun dan arca-arca yang terletak di antara bongkah stalaktit dan stalagmit. →
7. Binaan ini mempunyai pemeleh di kedua-dua belah hujung bahagian atas tebar layarnya. →

Tulis jawapan anda di ruangan yang disediakan dengan menulis A / B/ C atau D(HURUF BESAR)

1. Mengapakah Rumah Serambi Melaka dianggap unik?
A Mempunyai atap singgora
B Mempunyai tebar layar yang runcing
C Mempunyai tangga batu yang berwarna-warni
D Mempunyai dinding yang dibina hingga ke paras rabung

Jawapan:.....

2. Manakah antara seni bina berikut mempunyai bumbung seolah-olah seperti payung yang terbuka?
A Rumah Limas
B Gereja St.Paul
C Masjid Negara
D Makam Diraja Langgar

Jawapan:.....

3. Mengapakah kura-kura yang terdapat di dalam kolam-kolam di tokong dianggap penting?
A Simbol kekayaan
B Simbol kemewahan

- C Simbol kemenangan
- D Simbol panjang umur

Jawapan:.....

4. Apakah fungsi ruang pelantar?
- A Tempat memasak
 - B Tempat berbincang
 - C Tempat menyambut tetamu
 - D Tempat simpanan barang-barang

Jawapan:.....

5. Manakah antara ciri berikut membezakan sesebuah rumah tradisional?
- I Dinding
 - II Tebar layar
 - III Jumlah tiang
 - IV Bentuk bumbung
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Jawapan:.....

6. Apakah nama lain bagi Rumah Limas?
- A Rumah Kutai
 - B Rumah Berpeleh
 - C Rumah Baju Kurung
 - D Rumah Tiang Dua Belas

Jawapan:.....